

DATE: 19/12/2007

Rakyat perlu hormati hari kebesaran agama

Semua kaum mesti amalkan hidup toleransi, harmoni: PM

BH-19/12/2007

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata hari kebesaran agama di Malaysia perlu diraikan dengan rasa hormat oleh rakyat tanpa mengira perbezaan pegangan agama, malah semua kaum hidup toleransi dan harmoni.

Perdana Menteri berkata, hari kebesaran agama juga perlu menjadi hari yang dihormati segenap lapisan rakyat.

"Ia kerana kita semua mengamalkan cara hidup, mengamalkan muhibah antara kaum dan persefahaman sesama kita mengenai perasaan masing-masing, kumpulan agama yang biasanya sensitif mengenai hal-hal agama," katanya pada majlis penyerahan simbolik 200 lembu korban oleh DiGi Telecommunications (DiGi) Sdn Bhd di pejabat Perdana Menteri, di sini, semalam.


Turut hadir, Ketua Eksekutif DiGi, Morten Lundal serta Pengarah Strategi dan Hal Ehwal Korporat, Tunku Alizakri Alias.

Daging yang disembelih akan digahikan kepada fakir miskin dan penduduk luar bandar pada sambutan Aidiladha, esok.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia sentiasa menunjukkan sikap hormat menghormati dan tolong menolong apabila tiba musim perayaan agama yang diraikan tanpa mengira kaum.

"Raya bermakna pada hari itu kita menghormati mereka dan kita membuat lawatan, menziarahi rumah mereka untuk mengeratkan hubungan kita sebagai rakyat Malaysia," katanya.

Abdullah berkata, inisiatif DiGi menyumbang lembu korban jelas menunjukkan tingginya rasa hor-



SUMBANGAN KORBAN: Abdullah menerima sumbangan daripada Lundal pada majlis penyerahan simbolik 200 lembu korban oleh DiGi di Putrajaya, semalam.

mat syarikat terhadap agama Islam.

"Jadi saya yakin apa yang dilakukan syarikat ini akan menjadi sesuatu yang menunjukkan betapa tingginya rasa hormat mereka terhadap agama kita," katanya.

Abdullah percaya penerima lembu

korban itu akan menghargai sumbangan DiGi dan pengagihan daging akan memeriahkan sambutan Aidiladha.

Sementara itu, Lundal berkata, sumbangan lembu korban dianggap sebagai sesuatu yang wajar dilakukan syarikat berkenaan.

"Kekayaan kebudayaan negara ini adalah aset penting kepada Malaysia dan bagi syarikat, rakyat adalah aset kami," katanya sambil menambah komposisi ditawarkan Malaysia memberi banyak kelebihan dengan potensi perniagaan yang besar dan bernilai.

DAVID KHOO | BERITA HARIAN

NA
SHIP
ION
YAYA
AN
KEPIMPINAN
PERDANA